

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD  
[SETIAWANGSA ]**

**SOALAN**

**TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD [ SETIAWANGSA ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mengenai status penyakit mental di Malaysia :-

- (a) berapakah jumlah doktor pakar psikiatri dan pakar psikologi dalam sektor awam dan sektor swasta antara 2009-2019; dan
- (b) berapakah jumlah rakyat Malaysia yang mendapat rawatan sakit mental di institusi kesihatan awam dan swasta negara antara 2009-2019

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Jumlah keseluruhan Pakar Psikiatri di seluruh Malaysia adalah seramai 400 orang di mana seramai 219 orang Pakar Psikiatri berkhidmat di sektor kerajaan manakala seramai 181 orang Pakar Psikiatri dalam sektor swasta. Bagi pegawai psikologi pula, terdapat seramai 182 orang Pegawai Psikologi yang bertugas di Kementerian Kesihatan Malaysia; di mana pecahannya adalah 149 orang Pegawai Psikologi (Umum & Kaunseling) dan 33 orang Pegawai Psikologi (Klinikal). Dianggarkan bilangan pegawai psikologi klinikal di sektor swasta adalah melebihi 200 orang.
2. Mengikut data yang dikumpulkan oleh Pusat Informatik Kesihatan, KKM, jumlah keseluruhan kes yang didiscaj akibat daripada gangguan

## SOALAN NO. 352

mental dan tingkah laku dari tahun 2013 sehingga 2018 di institusi kesehatan mental dan hospital kerajaan adalah sebanyak 124,963 kes.

3. Pesakit yang dirawat dan didiscaj adalah mengikut klassifikasi Kod ICD-10 (International classification of Diseases) iaitu antara Kod (F00-F99) iaitu:

- a) *Organic including symptomatic mental disorders;*
- b) *Mental and Behavioural disorders due to psychoactive substance use;*
- c) *Schizophrenia, Schizotypal and Delusional disorders;*
- d) *Mood (affective) Disorders;*
- e) *Nuerotic, Stress-related and somatofom disorders;*
- f) *Mental Retardation;* dan
- g) *Remainders of Mental and Behavioural Disorders.*

Sekian, terima kasih.